

JILID 20, 2013

ISSN 0128-6048

جورنل فيلولوگي ملايو

JURNAL
FILOLOGI

MELAYU

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA




**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN
DAN WARISAN MALAYSIA

JURNAL FILOLOGI MELAYU

Jilid 20



**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

KUALA LUMPUR
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
2013



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar
*Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia*

Editor

Salbiah binti Mohammad Yusof

Timbalan Editor

Nasimah binti Badaruddin

Penolong Editor

Mastura binti Hussin
Effah Imtiaz binti Zainol

Editor Bersekutu

Dr. Jelani bin Harun
Dr. Hashim bin Musa
Dr. Harun Ngah bin Mad Piah


Diterbitkan oleh

Perpustakaan Negara Malaysia
Pusat Manuskrip Melayu
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Harga Jurnal Filologi Melayu Jil. 20, 2013

Malaysia

RM 15.00



Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jurnal Filologi Melayu/Perpustakaan Negara Malaysia, 1992 -
Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1992-.

Jil. : 26 cm

Tahunan

ISSN 0128-6048

- I. Malay philology - Periodicals. I. Perpustakaan Negara Malaysia.
II. Judul : **جورنال فيلولوجي ملايه** = Jurnal Filologi Melayu.
899.2305

Hak cipta

Perpustakaan Negara Malaysia 2012

- * Para penulis makalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat-pendapat yang terdapat dalam makalah masing-masing.

KANDUNGAN

Muka Surat

Dari Meja Editor

- Kearifan Tempatan dalam Itqan Al-Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk:
Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu
Adi Yasran Abdul Aziz & Emyliza Sharida Asari 9-20
- Warkah-Warkah Sultan Pontianak Abad Ke-18 - Abad Ke-19:
Keunikan Binaan Warkah
Agus Syahrani 21-37
- Syair Siti Zubaidah Perang China: Sebuah Romans
Membunga @ Siti Meriam Binti Yaacob 39-58
- Manuskrip-Manuskrip Melayu: Pemancar Gemerlapan
Tamadun Kota Aceh dan Buton
Ab. Razak Ab. Karim 59-71
- An Endearing Letter from A Dutch Colonial Governor to
A Malay Ruler of Sambas in The 19th Century
Hasyim Musa 73-85
- Model Penyelamatan Naskhah-Naskhah Koleksi Masyarakat di Sumatera
Pramono
Herry Nur Hidayat
Eka Meigalia 87-101
- Manuskrip Al-Quran Koleksi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM):
Kajian Dari Aspek Kodikologi Dan Ilmu Rasm Al-Quran
Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 103-115
- Sistem Ejaan Jawi Lama dan Baru Serta Isu-Isu Berkaitan Transliterasi:
Kajian Kes Terhadap Kitab Hidayah Al-Salikin
Khairuddin Omar
Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad
Mohammad Faizul Nasrudin
Mohd Zamri Murah
Mohd Sanusi Azmi 117-133
- Paleografi Jawi Digital Wadah Baru Kajian Tempat Asal
Manuskrip Melayu Lama
Khairuddin bin Omar
Mohd Sanusi bin Azmi
Mohammad Faizul bin Nasrudin
Azizi Abdullaah
Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad 135-150

DARI MEJA EDITOR

Syukur alhamdulillah kerana dengan izin-Nya, penerbitan Jurnal Filologi Melayu, Jilid 20, 2013 ini merupakan satu lagi kejayaan Perpustakaan Negara Malaysia dalam usahanya menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia. Penerbitan Jurnal Filologi Melayu ini merupakan hasil buah fikiran para sarjana yang tidak pernah putus asa meneroka susur galur warisan kebijaksanaan bangsa Melayu. Penerbitan ini sedikit sebanyak menzahirkan pendekatan mengangkat disiplin ilmu melalui metodologi yang kukuh. Hujah akademik yang dibicarakan digarap dengan evolusi budaya yang telah terakam. Melalui pertimbangan yang teliti terhadap kebijaksanaan bangsa Melayu, penerbitan jurnal ini perlu diserahkan kepada semua peringkat umur dan masyarakat umum.

Jurnal Filologi Melayu ini juga memaparkan hasil tinjauan pakar manuskrip melayu dari sub-bidang yang berbeza. Justeru terhasillah satu pengalaman keilmuan yang terakam melalui karya pena dan diterjemahkan dalam bentuk penerbitan ini. Sudut pandangan yang begitu luas dan dipupuk dengan penuh ketelitian memberi impak bermakna terhadap penghasilan naskhah ini, Segala bidang kajian manuskrip Melayu digarap dalam sebuah jurnal yang wajar menjadi milik bersama.

Sehubungan itu, Perpustakaan Negara Malaysia ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penyelidik yang menyumbang dalam penulisan jurnal ini, sekaligus melambangkan bidang professional kepustakawanan menekankan penyelidikan dan pembangunan minda dalam sejarah dan budaya bangsa dan negara.

Jurnal Filologi Melayu Jilid 20, 2013 ini juga menandakan iltizam Perpustakaan Negara Malaysia untuk menekankan kepentingan bidang penyelidikan dan mengilhamkan pendekatan baru untuk pengkajian manuskrip Melayu dalam pelbagai manifestasinya. Semoga semua pihak dapat memanfaatkan penerbitan jurnal yang sangat bernilai ini.

BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA

Kearifan Tempatan dalam Itqan Al-Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk: Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu

Adi Yasran Abdul Aziz
Emyliza Sharida Asari

Abstrak

Itqan Al-Muluk bi Ta'dil Al-Suluk: Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu (Undang-Undang Itqan) adalah undang-undang tubuh kerajaan Terengganu yang bertarikh 11 Zulkaedah 1329H bersamaan 2 November 1911. Undang-undang ini digubal ekoran cubaan British untuk campur tangan di Terengganu melalui Perjanjian Bangkok yang ditandatangani oleh kerajaan Siam dan British pada 10 Mac 1909. Atas kebimbangan terhadap campur tangan ini, Sultan Zainal Abidin III telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Undang-undang Itqan ini di negeri Terengganu. Penggubalan Undang-Undang Itqan ini dilihat sebagai satu usaha yang bijaksana untuk mempertahankan kedaulatan bumi Terengganu daripada dijajah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kearifan tempatan yang terdapat dalam Undang-Undang Itqan ini. Analisis teks ini mendapati bahawa terdapat ciri kearifan tempatan yang jelas dalam Undang-Undang Itqan terutama dalam usaha mempertahankan kedaulatan negeri Terengganu, penamaan judul undang-undang, ketegasan dan keterbukaan dalam penambahbaikan undang-undang, pengisytiharan kerajaan Islamiyyah Melayuwiyyah, dan beberapa aspek bahasa. Kearifan tempatan dalam Undang-Undang Itqan inilah yang menyebabkan negeri Terengganu dapat dipertahankan daripada campur tangan kuasa luar semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan seterusnya dijadikan sebagai asas sistem pemerintahan dan pentadbiran negeri ini sehingga kini.

Pengenalan

Undang-undang *Itqan Al-Muluk bi Ta'dil Al-Suluk: Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu* atau ringkasnya *Undang-Undang Itqan* dikatakan disadur daripada Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Bagaimanapun pengubahsuaian yang dilakukan terhadap karya ketatanegaraan ini menjadikannya unik dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti meninggalkan peruntukan anugerah darjah kebesaran, cogan kerajaan dan kerabat diraja, mengisytiharkan negeri Terengganu sebagai kerajaan Islamiyyah Melayuwiyyah, melantik ulama dalam jemaah *ahl al-hal wa al-aqd*, lebih banyak menggunakan istilah syarak/Arab dan sebagainya (Ahmad Fawzi, 1999). Keunikan *Undang-Undang Itqan* ini

telah menarik minat banyak pengkaji untuk membuat kajian tentang pelbagai aspek yang terdapat di dalamnya. Antaranya ialah Muhammad Yusof Hashim (1991), Siddiq Fadzil (1999), Ahmad Fawzi (1999), Mohd Nazri (2006), Halimah Hasan (2006), Mohd. Yusof Abdullah (2006), Hashim Musa dan Adi Yasran (2011) dan lain-lain lagi. Menyedari hakikat ini, kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan satu seminar khas bagi memperingati satu abad *Undang-Undang Itqan* dengan tema “Islam Tunjang Pentadbiran Terengganu” pada 26-27 Mei 2012 di Kompleks Muzium Negeri Terengganu. Sebanyak sembilan kertas kerja telah dibentangkan tentang *Itqan al-Muluk*, namun didapati masih belum ada kajian khusus tentang kearifan tempatan dalam undang-undang tersebut. Oleh itu, makalah ini cuba untuk menilai sejauh manakah kearifan tempatan dalam *Undang-Undang Itqan* ini. Analisis kandungan teks yang dibuat ditumpukan kepada usaha mempertahankan kedaulatan negeri Terengganu, penamaan judul undang-undang, ketegasan dan keterbukaan dalam penambahbaikan undang-undang, pengisytiharan kerajaan Islamiyyah Melayuwiyyah, dan beberapa aspek bahasa.

Teks *Undang-Undang Itqan*

Undang-Undang Itqan yang dianalisis dalam makalah ini ialah *Itqan al-Muluk bi ta'dil al-suluk* cetakan pertama bertarikh 2 November 1911 yang diperoleh daripada Lembaga Muzium Negeri Terengganu, cetakan kedua 8 Oktober 1931 yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu/Pahang dan cetakan semula *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* yang mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008. Walaupun tiada pindaan dibuat pada cetakan kedua 1931, namun *Undang-Undang Itqan* cetakan kedua ini telah mengalami perubahan dari segi ejaan Jawinya yang lebih mirip kepada ejaan Jawi dalam kebanyakan kitab agama klasik yang lain, dan telah menyenaraikan nama penandatungannya dengan beberapa maklumat tambahan. Bagaimanapun teknik penulisannya agak berbeza dengan kitab agama klasik kerana ia ditulis berdasarkan laras undang-undang yang mirip penulisan moden yang mengandungi sub-tajuk mengikut fasal, penomboran artikel, pemerenggan, tanda bacaan seperti koma dan noktah dan sebagainya. *Undang-Undang Itqan* ditulis atas inisiatif Baginda Sultan Terengganu, Sultan Zainal 'Abidin III (1881 – 1918). Kandungannya terdiri daripada satu prakata, satu mukadimah, 53 fasal dan satu khatimah. Isinya jelas mengandungi pengaruh Islam dalam banyak aspek dan mempertahankan adat warisan Melayu yang dibenarkan oleh syarak dalam beberapa aspek.

Usaha Mempertahankan Kedaulatan Negeri Terengganu

Menurut Hashim Musa dan Adi Yasran (2011), tujuan utama penulisan *Undang-Undang Itqan* (1911) adalah untuk menangkis pengaruh kuasa penjajah barat ke atas negeri Terengganu, terutama British seperti yang termaktub dalam Fasal 14: Tegahan di atas Raja:

“..Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaan atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau *hukuknya* kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lain-lainnya...”

Hal ini juga termaktub dalam Fasal 26: Larangan dan tegahan di atas menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan:

“...Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang bangsa atau kerajaan kerana maksud hendak menyerahkan negeri dan kerajaan Terengganu atau hendak mengurangkan kuasa dan *hukuk* kerajaan Terengganu. Maka jikalau dilanggar akan larangan dan tegahan ini terjatuhlah pada hukuman orang yang durhaka kepada Raja dan kerajaan...”

Kerajaan British berhasrat untuk campur tangan di Terengganu melalui Perjanjian Bangkok yang ditandatangani oleh kerajaan Siam dan British pada 10 Mac 1909. Dengan berkuatkuasanya perjanjian ini, kerajaan Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada British. W.L. Conlay dilantik sebagai Residen British yang pertama di Terengganu. Bagaimanapun Sultan Zainal Abidin III menolak perjanjian ini dan tidak menerima perlantikan W.L. Conlay kerana baginda berpendirian bahawa Terengganu bukan di bawah naungan Siam dan oleh sebab itu Siam tidak berhak berbuat demikian. Sultan Zainal Abidin III dikatakan telah pergi sendiri ke Singapura untuk menemui Pesuruhjaya Tinggi British bagi membantah Perjanjian Bangkok 1909. Akibatnya satu perjanjian lain telah ditandatangani pada 22 April 1910 seperti yang tercatat dalam *Undang-Undang Itqan* Fasal ke-48 yang berbunyi:

“...Hendaklah raja dan kerajaan Terengganu berpegang dengan teguh dan tetap serta betul lurus mengikut dan menyempurnakan syarat-syarat perjanjian, treaty, kerajaan yang diperbuat pada 12 hari bulan Rabiulakhir tahun 1328 itu berbetulan pada 22 hari bulan April tahun 1910...”

Perjanjian yang dimaksudkan ialah perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King yang diwakili oleh Sir John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat dengan kerajaan Terengganu yang diwakili oleh Sultan Zainal Abidin III sendiri. Antara kejayaan perjanjian ini ialah menggantikan residen yang mempunyai kuasa perundangan dan memungut cukai dengan pegawai konsul yang bertindak sebagai wakil British untuk urusan hal ehwal luar sahaja dan tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan dalaman kerajaan negeri Terengganu. Dalam perjanjian ini tidak disebutkan perkara yang berkaitan dengan Undang-Undang Tubuh, namun Undang-Undang Tubuh terus dibuat pada tahun berikutnya (1911) oleh kerajaan Terengganu bagi mengekang penguasaan kuasa British.

Oleh itu, penulisan *Undang-Undang Itqan* ini dipercayai atas inisiatif Sultan Zainal Abidin III dan kerajaan negeri Terengganu sendiri bukan atas arahan pihak British. Di bawah judul *Itqan al-Muluk bi ta'dil al-suluk*, tertulis ayat dalam bahasa Arab “*fayaqul al-Mutawassil bi sayyid al-mursalin al-wathiqu billah al-qawiy al-Matin al-Sultan Zainal Abidin - Yang Ketiga*” yang bermaksud “maka berkatalah orang yang bertawassul dengan Rasulullah SAW yang yakin dengan Allah yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa, Sultan Zainal Abidin III. Begitu juga pada bahagian al-khatimah yang menyebutkan bahawa, “... kita Zainal Abidin al-Sultan, Raja yang empunya hak memiliki dan memerintah kerajaan negeri dan sekalian daerah takluk jajahan Terengganu, memperbuatkan undang-undang ini...”